



MEMBEDAH
P. RAMLEE

0899923
DAN

DANIYALKADIR





TUN DR. MAHATHIR MOHAMMAD

DANIYAL KADIR

MEMBEDAH P. RAMLEE

PUSTAKA PERDANA



1011171



DUBOOK

BANGI
2015



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

791.430899923
DAN



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

DANIYAL KADIR

Daniyal Kadir lahir di Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1984. Pernah menetap di Kampung Kerinchi dan kemudian sampai sekarang berada di kota pentadbiran, Putrajaya. Lulusan Universiti Malaya untuk ijazah pertama, namun gagal dua kali untuk menggenggam ijazah sarjana dalam bidang sejarah di Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kini mengambil peluang yang ada untuk menulis sejarah dalam bentuk yang semua orang suka. Sejarah filem ialah kegemaran utamanya.

Terbitan lain oleh Abang DuBook boleh didapati di
www.dubookpress.com

dubookpress@gmail.com
facebook.com/dubook
twitter.com/dubookpress
instagram.com/dubookpress



Membedah P. Ramlee ini adalah tulisan Daniyal Kadir
Diterbitkan oleh DuBook Press Sdn. Bhd.
1-5-1, Lot 3, Tingkat Bawah
Bangi Sentral, Jalan Medan Pusat Bandar 7
Seksyen 9, Bandar Baru Bangi
43650 Selangor

Hak Cipta Terpelihara Karya oleh Daniyal Kadir
Hak Cipta Terbitan DuBook Press Sdn. Bhd.

Cetakan Pertama Oktober 2015
Cetakan Kedua Oktober 2015

Penyelenggara
Fdaus Ahmad

Penyunting
Lucius Maximus

Pembaca Pruf
Fakri Azzam

Pereka Letak
Amin Landak

Pereka Bentuk Kulit
Umar Mukhtar

ISBN:978-967-0723-41-9

Dicetak oleh:
Percetakan Mutalib Uthman
1-5-3, Lot 3, Tingkat 2,
Bangi Sentral, Jalan Medan Pusat Bandar 7
Seksyen 9, Bandar Baru Bangi
43650 Selangor
mutalibuthman@gmail.com





PENAREK BECHA
SEMERAH PADI
BUJANG LAPOK
SUMPAH ORANG MINYAK
PENDEKAR BUJANG LAPOK
MUSANG BERJANGGUT
NUJUM PAK BELALANG
ANTARA DUA DARJAT
ALI BABA BUJANG LAPOK
SENIMAN BUJANG LAPOK
IBU MERTUAKU
LABU DAN LABI
NASIB SI LABU LABI
MADU TIGA
TIGA ABDUL
TEMUBUAL P. RAMLEE

PENGENALAN

Saya menulis sebuah buku yang penuh dengan catatan-catatan santai saya tentang filem-filem P. Ramlee. Saya tidak berniat untuk memperkenalkan P. Ramlee secara biografi kerana riwayat hidup seniman agung ini sudah diketahui oleh hampir seluruh penduduk dunia. Saya di sini sekadar mahu berkongsi mengenai pengalaman peribadi saya menonton filem-filem P. Ramlee. Perlu diingatkan bahawa saya bukanlah seorang pelajar bidang perfileman atau pun memiliki kemahiran memahami filem secara teknikal dan *spiritual*. Saya sekadar seorang peminat filem dan sedang dalam proses menyatakan penghargaan kepada pembikin yang memiliki jati diri, nilai dan kemahuan membikin filem untuk mencerdikkan penonton.

Saya tidak pernah mengharapkan buku ini menjadi rujukan akademik pelajar-pelajar perfileman, tetapi saya cuma mengharapkan sebarang kesilapan saya terhadap tafsiran tentang apa yang cuba dibawakan P. Ramlee dapat dibetulkan oleh mereka yang lebih pakar. Walaupun filem itu subjektif sifatnya, penilaian objektif terhadap filem masih berlangsung dan berterusan.

Dalam buku ini saya akan sama-sama berkongsi apa yang saya lihat dan saya dapat kutip dalam setiap filem-filem

P. Ramlee. Saya telah memilih filem-filem yang diarah dan dilakonkan oleh P. Ramlee semasa di Malay Film Production (MFP) sahaja, kerana saya berpandangan filem-filem yang dihasilkan semasa di MFP memiliki nilai pemikiran yang lebih tajam, matlamat pembikinan yang lebih jelas dan kritikan yang lebih hebat. Bukan niat saya untuk menafikan hakikat kehebatan P. Ramlee pasca MFP, tetapi ini ialah hakikat yang kita dapat tonton sendiri di hadapan mata.

Bermula dengan Penarek Becha sehingga ke Tiga Abdul, sama-sama kita berkongsi pengalaman menonton 15 buah filem yang dipilih dan sama-sama kita lihat apakah setiap filem P. Ramlee itu mempunyai maksud atau adakah filem-filemnya hanya sekadar hiburan ringan semata-mata. Bagaimana saya melihat filem itu tidak penting kerana saya bukanlah siapa-siapa. Pancaindera anda lebih penting untuk melihat, mendengar dan menyentuh filem-filem P. Ramlee. Namun diingatkan jangan sekali-kali kita menganggap P. Ramlee itu peramal masa depan. P. Ramlee tidak memiliki sakti yang begitu. Apabila kita menonton filem-filem P. Ramlee, kita harus menonton dalam konteks tahun filem itu dibikin atau zaman-zaman sebelumnya. Jangan kita terlajak masa sampai ke tahun 2041 ya!

Jika anda memiliki pandangan yang berbeza dengan apa yang saya sampaikan melalui buku ini, maka anda tertakluk kepada pandangan anda. Jadi, untuk kita sama-sama menyesuaikan pandangan masing-masing, ayuh! Kita bedah P. Ramlee!

PRAKATA

Saya mengenali Daniyal Kadir ketika belajar di Universiti Malaya. Kami dari satu jabatan yang sama, Jabatan Pengajian Hubungan Antarabangsa dan Strategik. Daniyal adalah senior saya. Jadi hubungan kami bukanlah rapat sangat pun, kecuali sesekali terlepas sama-sama di kafetaria. Kami ada juga sekali sekala terborak-borak, tapi hanya dalam lingkungan subjek politik (kerana kami belajar sains politik). Ironinya, sepanjang sama-sama belajar dulu kami tidak pernah bercakap tentang hal-hal seni filem.

Satu perkara yang Daniyal tidak tahu sampai sekarang, dia sebenarnya antara senior yang tidak digemari oleh junior lelaki. Ada dua sebab perkara ini berlaku. Satu, dia suka berkawan dengan perempuan. Dua, dia mamat nerd teruk yang tidak pernah tidak menyiapkan assignment. Oleh sebab dia nerd teruk, assignment Daniyal selalu menjadi rujukan oleh para junior dan oleh sebab Daniyal suka berkawan dengan pelajar perempuan, dia hanya memberi pinjam assignmentnya kepada junior perempuan. Jadi saya dan beberapa junior lelaki yang lain menganggap Daniyal adalah nerd yang gampang!

Tapi segampang mana pun makhluk bernama Daniyal Kadir ini, saya tidak pernah nafikan hasil tulisannya sangat

ilmiah. Sesekali saya ada juga curi-curi baca tulisan beliau untuk dijadikan rujukan. Ya lah, dia mamat nerd, jadi tidak peliklah tulisannya bijak berkualiti.

Mengambil semangat tulisan-tulisan ilmiah yang pernah ditulis oleh Daniyal, nyata buku “Membedah P. Ramlee” ini memiliki satu piawaian kualiti yang cukup bagus.

Ya, bagus.

Untuk menulis tentang seorang yang sehebat P. Ramlee memerlukan banyak penelitian yang cukup mendalam. Banyak benda yang saya terlepas pandang sebelum ini tentang P. Ramlee dapat dikeluarkan oleh Daniyal Kadir. Baca bagaimana beliau menelaah karakter Haji Bakhil sebagai satu lambang kepada agama dan nafsu, yang selama ini kita hanya ketawa pada lontaran dan sindiran dari karakter Labu dan Labi sahaja.

Satu perkara yang saya gemar juga tentang buku ini adalah, Daniyal tidak menumpukan perkara teknikal seperti kaedah syot, suntingan, rekaan produksi atau sebagainya. Tetapi beliau meneliti karya P. Ramlee sebagai ciri lengkap sebuah filem dengan masuk ke dalam pemikiran P. Ramlee. Ya, jika dia menilai kualiti teknikal, maka buku ini akan menjadi ketinggalan zaman. Namun mengkaji pemikiran P. Ramlee telah menjadikan buku ini akan kekal relevan sampai seribu tahun lagi.

Buku ini juga boleh dijadikan rujukan oleh pembikin filem. Sebagaimana saya mencedok sedikit sebanyak cara P. Ramlee berfikir ke dalam karya saya sendiri. Dalam filem CEO (2014), saya mengambil semangat P. Ramlee

tentang penentangnya terhadap golongan borjuis. Dan kewujudan buku ini sedikit sebanyak membolehkan saya mendapatkan gambaran yang makin jelas bagaimana pemberontakan yang dilakukan oleh manusia bernama P. Ramlee.

Akhir kata dari saya, buku ini cukup penting untuk kita meraikan karyawan hebat kelahiran Pulau Pinang ini. P. Ramlee adalah orang yang kita boleh banggakan. Perjuangan dan pemikiran beliau harus diteruskan oleh pembikin filem sekarang. Beliau sudah membuka satu jalan untuk pengarah Melayu dan buku ini adalah satu penghormatan kepada manusia yang kita sayangi ini. Bab akhir dalam buku ini membuatkan saya sedih. Kesedihan dan kesayuan rasa P. Ramlee didokumenkan dalam bab akhir membuatkan saya sedar beliau sebenarnya adalah seorang pahlawan yang mati di pertempuran seni budaya menentang kapitalisme.

Razaisyam Rashid

Damansara Perdana

24 Ogos 2015

Terima Kasih

P.Ramlee
Hussein Haniff
M.Amin
Mat Sentol
Jamil Sulong
S.Sudarmaji

Khas Untuk

Abd Kadir
Kamarunnisah
Affizah
Fatimah
Jamilah
Amani
Sahabat
DuBook Press
Peminat & Pembenci Filem Melayu



BECHA



PENAREK BECHA

Penarek Becha (1955) merupakan filem arahan P. Ramlee yang pertama. Filem ini dilihat biasa dan tidak ada apa-apa penonjolan isu yang istimewa, melainkan isu perbezaan taraf di antara golongan kaya dan miskin, percintaan yang tidak mendapat restu dan penindasan kepada golongan yang tidak mampu.

Filem ini memiliki sifat filem-filem dari India yang sempurna. Gaya penceritaan yang tragis dengan kemelaratan dan malang yang selalu menimpa golongan miskin. Filem ini seolah-olah meminta kita untuk bersimpati dengan golongan miskin dan mereka yang tidak memiliki kemampuan. Sememangnya jika kita mempunyai hati dan perasaan sebagai seorang manusia normal, kita akan merasa sedih dan pilu dengan nasib yang menimpa Amran dan ibunya di dalam filem ini.

Kita mulakan pembacaan filem ini dengan babak pembukaan. Kita boleh sifatkan bahawa babak pembukaan filem ini kelihatan seperti cubaan untuk *zoom-in* ke dalam kehidupan masyarakat. Dimulakan dengan kepesatan pembangunan dan kota yang penuh kemewahan kita dibawa secara pantas kepada kehidupan dan pekerjaan golongan marhaen di dalam filem ini. Kita lihat bagaimana seorang

pemuda menjual surat khabar berlari-lari untuk menjual. Ini melihatkan kepayahan untuk mendapatkan wang. Kemudian kita dibawakan pula kepada Amran, si pengayuh beca. Dua pekerjaan ini merupakan pekerjaan marhaen dan merupakan di antara pekerjaan yang menerima upah rendah pada masa berkenaan. *Zoom-in* yang dimaksudkan tadi ialah daripada satu latar yang umum kita dibawakan kepada satu latar yang khusus, kehidupan marhaen dan ini menjadi petanda bahawa filem ini tentang kehidupan golongan miskin.

Kemudian kita lihat pula bagaimana ketika Amran membawa Orang Kaya Marzuki menggunakan becanya, dia melalui kawasan kediaman orang miskin sebelum sampai di rumah Orang Kaya Marzuki. Ini satu lagi bentuk peralihan latar yang menarik. Di mana melalui perjalanan ini kita dapat mengetahui bahawa akan wujud pertentangan di antara miskin dan kaya dalam filem ini.

Sebaik sahaja Amran menghantar Orang Kaya Marzuki sehingga ke rumahnya, tiba masa untuk Amran mendapatkan bayaran yang setimpal. Namun, Orang Kaya Marzuki yang sepatutnya kaya dan tidak kisah dengan wang, telah membayar dengan nilai yang cukup sedikit dan tidak sewajarnya terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Amran. Ini menjadi titik bahawa kita menyedari sikap Orang Kaya Marzuki sebagai seorang penindas dan gemar mengambil kesempatan. Apa yang lebih menarik P. Ramlee membawakan konsep budi dengan menunjukkan bahawa orang kaya miskin budi dan dalam babak seterusnya P. Ramlee menonjolkan orang miskin sebagai kaya budi.

Mengapa Abang Ramlee tidak mahu berlakun lagi?

"Saya dah tua. Dah lama saya berlakun. Orang-orang pun dah tak suka saya lagi. Peminat-peminat saya pun semua dah kawin dah beranak dan dah sembahyang."

"Kalau P. Ramlee berlakun siapa nak tengok. Nanti budak-budak universiti tanya, apa kelulusan P. Ramlee tu?"

